



KERATAN AKHBAR

SURAT KHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	11/3/2021	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	KeTSA / JMG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pantai Timur, Kedah, Perak 'Ibuk' nadir bumi

Utusan Malaysia 11/3/2021
m/s 10

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamajlis.com.my

KUANTAN: Beberapa kawasan di Pantai Timur, Kedah dan Perak dikesan antara lokasi kaya dengan potensi sumber unsur nadir bumi (REE) bebas radioaktif yang mana jika dikomersialkan mampu memberi pulangan cukup lumayan kepada negara.

REE mendapat permintaan tinggi di seluruh dunia khususnya di Eropah dan Amerika Syarikat (AS) dengan pelbagai penggunaan dalam sektor elektronik, optik, magnet dan produk pemangkin.

Elemen nadir bumi turut digunakan dalam bidang ketenteraan seperti pembangunan jet pejuang serba cangkih jenis F35 Lightning dan F-22 Raptor serta dron Predator dan peluru berpandu Tomahawk.

Setiap unsur nadir bumi mempunyai ciri unik dan penggunaan spesifik serta amat diperlukan dalam penghasilan produk berteknologi tinggi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Pusat Kelestarian Ekosistem dan Sumber Alam (Pusat Alam) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Madya Dr. Mohd. Yusri Mohd. Yunus berkata, REE bebas radi-

oaktif sangat besar potensinya di Pantai Timur, Perak dan Kedah.


"Nadir bumi adalah potensi besar yang perlu dikomersialkan. Ia adalah jisim mineral mengandungi 17 unsur antaranya cerium, neodymium, thulium, lanthanum dan terbium.

"Contohnya lanthanum dijual kira-kira AS\$2,000 satu metrik tan atau bersamaan RM8,000. Terbium pula dijual AS\$1.3 juta satu metrik tan, lanthanum adalah REE bukan radioaktif yang banyak terdapat di negara ini," katanya.

Pada November tahun lalu, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, Malaysia memiliki potensi sumber REE yang boleh dibangunkan bernilai RM747.2 bilion.

Selain REE, bauksit juga adalah mineral yang masih mempunyai potensi untuk diusahakan kerana mengikut rekod JMG, kira-kira 181.5 juta tan sumber bauksit bernilai kira-kira RM20.3 bilion.

Mohd. Yusri berkata, Malaysia mempunyai klang memproses nadir bumi, Lynas di Gebeng dekat sini yang seharusnya dijadikan sumber untuk negara meneroka bidang berkenaan.



BEKAS tapak lombong antara lokasi berpotensi diusahakan bagi pencarian sumber unsur nadir bumi (REE) bebas radioaktif di Pahang.